

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENAJAAN PENGAJIAN SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN OLEH ASIA SCHOOL OF BUSINESS (ASB)

- 1) Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) lantikan tetap **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan sama ada dibebaskan atau tidak dibebaskan);
- 2) Berumur tidak melebihi **50 tahun pada tarikh tutup permohonan**;
- 3) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan**;
- 4) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **enam (6) tahun pada tarikh tutup permohonan**;
- 5) Mencapai purata markah minimum Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2022, 2023 & 2024) dalam skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;

Nota: Pegawai yang mempunyai rekod Cuti Tanpa Gaji (CTG) / Cuti Separuh Gaji (CSG) dalam tahun penilaian LNPT terlibat dan tahun penawaran tidak layak dipertimbangkan program penajaan ini.

- 6) Mempunyai kelayakan akademik **Ijazah Sarjana Muda** daripada universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 7) Hanya mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;

Nota: Pegawai bertanggungjawab untuk mengisytiharkan kelayakan akademik tertinggi semasa yang dimiliki. Sekiranya pegawai gagal mengisytiharkannya dan dapat dikesan kemudian, pegawai bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang **implikasi yang timbul daripada kegagalan pengisytiharan tersebut** termasuklah pembatalan penawaran (sekiranya berjaya), tanggungan kos yang terlibat (sekiranya ada) dll.

- 8) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik**. Pengesahan penguasaan Bahasa Inggeris hendaklah diberikan sekiranya ada;

- 9) **Melepasi tempoh menunggu selama tiga (3) tahun** dari tarikh tamat kursus jangka sederhana / jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;
- 10) **Bersih daripada sebarang pertuduhan** / tindakan tatatertib / dakwaan mahkamah;
- 11) Telah **mengisytiharkan harta** dalam tempoh **lima (5) tahun terkini**; dan
- 12) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain.